

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

NO. SOALAN : 148

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk menangani isu bekalan air yang sering terputus bagi kawasan luar bandar terutama sekali di kawasan Merbok.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Kementerian ini adalah untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat ke seluruh negara bagi meningkatkan kualiti hidup para penduduk di kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, pengoperasian dan penyelenggaraan bekalan air seluruh Negeri Kedah adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Air Darul Aman (SADA), termasuklah isu bekalan air sering terputus di kawasan Parlimen Merbok ini.